

Peranan Pengguna dan Firma Menuju Ekonomi Berkat



EKONOMI yang berkembang adalah merujuk nilai Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) yang meningkat, pengangguran yang menurun dan inflasi yang stabil. Perkara ini menjadi penunjuk dalam ekonomi. Ekonomi yang baik akan mengembirakan semua pihak, sebaliknya pula bagi ekonomi yang teruk akan merasakan banyak pihak. Kerajaan pula menjadi pengawas yang mengawal ekonomi berdasarkan dasar yang dirangka.

Sudah banyak pakar ekonomi berbicara tentang pengurusan ekonomi yang baik pada sisi pemerintah atau kerajaan. Mereka juga mengulas perihai tindakan pengguna dan firma yang bijak dalam ekonomi. Matlamat mereka adalah

untuk mencetuskan ekonomi yang berkembang seterusnya negara akan semakin kaya.

Kita seolah-olah lupa bahawa selain urusan ibadat dan munakahat (nikah kahwin), Islam juga mengawal Muslim dalam pengurusan ekonomi. Pemikiran sekular, iaitu memisahkan urusan agama dengan kehidupan telah lama menyerang umat Islam di seluruh dunia. Mereka yang taasub akan aliran sekular ini akan berhujah dengan keadaan Eropah sebelum Renaisans.

Masyarakat Eropah berada dalam kegelapan (*dark age*) ketika segala urusan kehidupan mereka di bawah dominasi gereja. Aktiviti mereka bagai diikat oleh gereja sehinggalah berlakunya pertembungan keras antara aliran rasional

(daya fikir) dengan gereja (skolastik). Setelah penguasaan gereja dileraikan, mereka seolah-olah bangkit kembali dan terus menguasai pelbagai bidang ilmu sehingga tercetusnya Renaisans pada kurun ke-14. Pada hakikatnya, satu daripada faktor kemunculan Renaisans merupakan cedokan ilmu daripada tamadun Islam.

Jika pemikir sekular mendakwa dengan pengasingan agama daripada kehidupan menjadikan kehidupan masyarakat lebih baik dan maju, adakah mereka lupa bahawa kekuatan tamadun Islam adalah kerana umat Islam yang meletakkan Islam pada tempat tertinggi? Pada zaman pemerintahan Rasulullah SAW serta empat orang sahabat utama baginda, Empayar Umayyiah 1 (Damsyik), Umayyiah 2 (Andalusia, Sepanyol), Abbasiyah (Baghdad) hinggalah Uthmaniyyah (Istanbul), bermulalah zaman kegemilangan Islam. Pada ketika itu, peraturan dan nilai agama sebatu dengan kehidupan termasuklah urusan ekonomi.

Ekonomi Islam mengangkat etika dan nilai dalam pengurusan sumber yang terhad dan kehendak yang tidak terhad bersumberkan syariat Islam, iaitu al-Quran, hadis, ijmak dan qias ulama' yang berbeza daripada ekonomi konvensional yang hanya berdasarkan falsafah pemikiran manusia. Ekonomi kapitalis daripada pemikiran Adam Smith menolak nilai dengan kewujudan tangan ghaib (*invisible hand*), manakala ekonomi komunis daripada pemikiran Karl Marx pula menolak pasaran semula jadi.

Sementara itu, ekonomi Islam mengaggas nilai *wasatiyyah*, iaitu pertengahan dalam kebebasan ekonomi, semangat kerjasama dan peranan kerajaan. Dalam *Surah al-A'raf*, 7:96, Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Dan jika penduduk negara beriman dan bertakwa, pasti Kami akan melimpahkan kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi". Takwa adalah dengan melakukan suruhan agama dan meninggalkan larangan agama. Muslim yang bertakwa akan dikurniakan oleh Allah SWT keberkatan dalam kehidupan mereka.

Oleh hal yang demikian, pengguna dan usahawan perlu bertindak berlandaskan etika dan nilai. Walaupun nilai dan etika ini dipromosikan oleh Islam namun pengamalannya bukan terhad kepada Muslim semata-mata. Nilai yang baik ialah pedoman untuk semua orang. Pengguna ialah ejen yang utama dalam sistem ekonomi. Ketiga-tiga ejen dalam aktiviti ekonomi, iaitu pengguna, pengeluar dan kerajaan ialah manusia yang menggunakan barangan dan perkhidmatan

di pasaran. Mereka semua ialah pengguna dalam ekonomi.

Menurut Sanep Ahmad (*Analisis Ekonomi Islam*, 2017), pengguna Islam merupakan *Islamic man* bukan *economics man* seperti dalam ekonomi konvensional. *Islamic man* mesti mematuhi peraturan dan etika penggunaan Islam, iaitu halal, menjauhi pembaziran dan galakan altruisme (pengorbanan). *Islamic man* ini akan berbelanja dan menggunakan pendapatannya berdasarkan tiga prinsip penggunaan, iaitu kekayaan sebagai amanah, kejayaan melalui keredaan Allah dan balasan pada hari akhirat.

Peraturan penggunaan Islam yang pertama ialah halal. Oleh itu, penggunaan oleh Muslim adalah terhad berbanding dengan bukan Muslim. Penggunaan barangan haram, seperti arak, produk berasaskan khinzir dan bangkai (haiwan yang tidak disembelih atau disembelih secara tidak sah) adalah dilarang. Allah SWT berfirman dalam *Surah al-Baqarah*, 2:168 yang bermaksud, "Hai manusia, makanlah apa yang ada di bumi yang halal lagi baik".

Pada ayat ini, "makanlah" merupakan perbuatan suruhan atau dalam ilmu nahu *sarf* dikenali sebagai *fi'il amr*. Selain itu, Allah SWT menggunakan perkataan manusia (*am*) bukan perkataan Muslim (khas) bagi merujuk pihak yang disuruh.

Kedua, pengguna dilarang mengamalkan pembaziran dan mestilah sentiasa bersederhana dalam penggunaan. Tanggungjawab pengguna adalah untuk mengekang hawa nafsu daripada mempengaruhi tindak-tanduk mereka khususnya dalam kepenggunaan. Melampau batas dalam berbelanja dan kepenggunaan merupakan tindakan yang tidak bermoral atau menjauhi nilai. Rasulullah SAW sebagai insan terbaik banyak kali mengingatkan umat tentang kesederhanaan dalam kehidupan.

Menurut Sanep Ahmad, memaksimumkan kepuasan diri tertakluk kepada pendapatan semata-mata menunjukkan bahawa pengguna telah tunduk kepada nafsu. Mereka akan berhenti sehingga puas atau menghampiri titik jemu. Jika unit yang diperlukan untuk mencapai kepuasan maksimum melebihi unit yang sepatutnya diperlukan olehnya, maka pengguna telah

Kesederhanaan memimpin kita untuk bersedia mengurangkan penggunaan sendiri untuk kepentingan orang lain.

chr.no = 0000275735


ECO 2018/A07

D-Ekonomi

Bil 11 - Nov 2018

Economists - Islamic Economy.

Pg. 22-25



Majikan dan usahawan perlu bertindak berlandaskan etika dan nilai kerana amalan yang baik ialah pedoman untuk semua orang.

membazir. Pembaziran ini akan mengetepikan kepentingan orang lain, walhal kita semua diseru berinfak untuk membantu orang lain. Oleh itu, kesederhanaan sekali gus memimpin kita untuk bersedia mengurangkan penggunaan sendiri untuk kepentingan orang lain.

Altruisme atau pengorbanan mengajar pengguna agar sentiasa mengingati hak dan nasib orang lain. Sesiapa yang memudahkan dan menyampaikan hajat orang lain di dunia, kelak dia akan dibantu oleh Allah SWT daripada kesukaran di akhirat, bergantung pada iman masing-masing untuk memandangkan tawaran Allah SWT.

Menurut Syeikh Abdul Qadir al-Mandili (*Penawar bagi Hati*, 1959), punca kikir disebabkan oleh cinta akan harta. Seseorang yang mencintai harta dibimbangi imannya rapuh dengan godaan dunia kerana pada ketika itu, cintanya kepada Tuhan semakin menipis. Tiada dua cinta hakiki pada satu hati. Keadaan inilah yang menyebabkan harta menjadi fitnah kepada pemilikinya. Islam sendiri mengajar umatnya bahawa harta ialah milik mutlak Allah seperti anak dan keluarga. Kita hanyalah sebagai pemegang amanah atau peminjam. Pada bila-bila masa, tuan atau pemilik sebenar berhak menuntut kembali harta yang diberi pinjam.

Pengguna Muslim sepatutnya cakna dengan perbelanjaannya kerana setiap sen akan dipersoalkan. Jika baik penggunaannya, ganjaran

pahala ialah balasan kepadanya, begitulah sebaliknya. Iman yang tinggi akan memimpin pengguna agar tidak melanggar batasan agama dalam kepenggunaan kerana dia percaya bahawa kehidupan pada hari ini hanya sementara, sedangkan kehidupan selepas ini adalah kekal selama-lamanya.

Sementara itu, firma merupakan institusi ekonomi yang mengeluarkan barangan atau menawarkan perkhidmatan yang diperlukan oleh pengguna. Firma terbahagi kepada dua, iaitu swasta dan awam. Firma awam ditubuhkan untuk pengeluaran barangan dan penawaran perkhidmatan yang diperlukan oleh rakyat, berbanding dengan firma swasta yang bermatlamatkan keuntungan yang maksimum. Hal ini dikatakan demikian kerana firma awam dibiayai oleh dana kerajaan seperti cukai sedangkan firma swasta tidak mendapat bantuan demikian melainkan insentif cukai dan subsidi.

Prinsip pengeluaran mengikut perspektif Islam telah dibincangkan oleh ilmuwan ekonomi Islam. Secara umumnya, empat perkara dititikberatkan, iaitu matlamat pengeluaran sebagai ibadah untuk *al-falah* (kejayaan dunia akhirat), kegiatan pengeluaran berasaskan syariah, amanah daripada Allah SWT dan keadilan dalam pengeluaran (Sanep Ahmad, 2017).

Pengeluar yang berpandukan nilai Islam dalam aktiviti mereka perlu menyasarkan untung patut agar dapat membantu pengguna memenuhi keperluan mereka. Harga untung patut ini sesuai dengan barangan kehendak atau *dharuriyyat* yang menjadi keperluan asas masyarakat. Hal ini mustahak kerana jika firma menyasarkan untung maksimum kelak akan menyusahkan masyarakat.

Penurunan harga daripada untung maksimum kepada untung patut akan memberikan kepuasan kepada pengeluar Muslim yang mengharapkan pahala selain menepati objektif pengeluaran mereka. Meskipun berniaga ialah *muawadah* atau kontrak untuk tujuan keuntungan namun penjual yang menjual dengan niat membantu pengguna akan mendapat ganjaran pahala. Tindakan ini akan memberikan kepuasan rohani kepada pengeluar.

Selain penurunan harga, kuantiti produk juga akan meningkat di pasaran berdasarkan teori ekonomi. Harga yang sederhana akan meningkatkan daya beli oleh pengguna terutamanya pengguna miskin. Semakin banyak permintaan, maka semakin banyak penawaran. Pengekalan kuantiti penawaran ini akan mengawal harga daripada meningkat. Harga semula jadi

terbit daripada permintaan dan penawaran yang seimbang.

Andai aplikasi untung patut pada harga masih lagi belum dapat memenuhi keperluan orang miskin, pengeluar boleh mengamalkan diskriminasi harga. Usahawan yang memperoleh untung lebih normal akan menawarkan harga barangan atau perkhidmatan yang lebih rendah berbanding dengan harga keseimbangan kepada golongan sasaran. Mereka yang merasakan keperluan untuk bertanggungjawab akan kebajikan masyarakat tidak akan berat melakukan perkara ini. Diskriminasi harga adalah menyasarkan golongan fakir, miskin, tua atau pesara, orang kelainan upaya (OKU) dan pelajar. Diskriminasi harga ini penting kepada golongan tersebut yang hidup dalam masyarakat ketika harga sentiasa merencak naik.

M. N. Siddiqi dalam *Readings In Macroeconomics: An Islamic Perspective* (1992) telah mencadangkan bahawa tiga cara ini dapat membantu golongan miskin yang masih belum membeli barang setelah pengeluar mengaplikasikan untung patut, iaitu 1) penduduk termiskin boleh diberi kuasa beli yang lebih tinggi melalui sistem agihan komprehensif seperti pemberian kupon subsidi; 2) firma yang mengeluarkan barangan asas berkenaan diberikan subsidi oleh kerajaan untuk menampung sebahagian kos operasi; 3) kerajaan sendiri bersedia menjadi pengeluar melalui firma awam yang sebahagian besar kos pengeluaran adalah daripada hasil kerajaan.

Selain dua perkara berkenaan harga yang diterangkan, firma juga perlu cakna akan kepentingan buruh. Upah kepada pekerja mestilah logik dan tidak menindas. Majikan sepatutnya menjaga kebajikan pekerja agar mereka dapat memenuhi keperluan diri dan tanggungan. Bahkan dalam teori ekonomi Islam, tingkat upah pekerja lebih tinggi daripada tingkat upah konvensional kerana prinsip Islam yang mengiktiraf hak faktor aktif, iaitu buruh (Hairunnizam Wahid, *Analisis Ekonomi Islam*, s.lajid, t.th). Mereka dibayar berdasarkan sumbangan marginal buruh dan sumbangan purata buruh.

Firma yang amanah dan bertanggungjawab dalam perniagaan tidak akan membelakangkan agama kerana keuntungan. Mereka patut berwaspada dengan kenyataan (Sayyid Abul A'la Mawdudi, *Islam and Modern Economics Theories*, 1969) yang menyatakan bahawa motif keuntungan ialah perangsang tunggal dalam

ekonomi kapitalis yang sedang diamalkan pada hari ini. Matlamat keuntungan semata-mata dikhuatiri akan menjerumuskan usahawan ke dalam perangkap "matlamat menghalalkan cara". Usahawan Muslim perlu memastikan segala transaksi mereka sentiasa selari dengan nilai agama.

Muhammad Syukri (2009) mengambil contoh model perniagaan yang dijalankan oleh jemaah Ruffaqa' yang berpegang bahawa hubungan dengan Allah (*hablun min Allah*) ialah perkara yang penting bagi penganja Muslim. Ruffaqa' Corporation bermula dengan modal RM400 ribu pada tahun 1997 dan dalam masa empat tahun, Ruffaqa' Corporation telah mempunyai 250 buah rangkaian perniagaan di dalam dan di luar negara dengan nilai RM4 juta.

Sedangkan keadaan Asia Tenggara amnya dan Malaysia khususnya pada waktu itu sedang mengalami kemelesetan ekonomi.

Ruffaqa' percaya bahawa dalam sistem perniagaan, mestilah mempunyai nilai kehabaan kepada Allah SWT dan nilai khidmat kepada sesama manusia. Inilah kekuatan mereka yang menikmati keuntungan bukan semata-mata berbentuk wang namun juga kepuasan membantu masyarakat secara umum.

Islam mengiktiraf hak golongan fakir, miskin dan asnaf-asnaf lain yang menerima zakat dan bantuan kewangan lain. Masing-masing memainkan peranan dalam ekonomi melalui altruisme, iaitu usahawan membayar zakat, manakala pengguna pula bersedekah. Kesan pengagihan kekayaan melalui konsep seperti zakat, sedekah dan wakaf akan memberikan kesan positif kepada ekonomi. Jurang kekayaan antara orang kaya dengan orang miskin dikurangkan. Hal ini meringankan beban orang miskin dan meningkatkan pendapatan negara secara makro daripada peningkatan kuasa beli dan permintaan barangan daripada golongan fakir dan miskin.

Secara tuntasnya, peranan pengguna dan usahawan yang mengamalkan Islam akan memberikan kesan positif kepada ekonomi secara keseluruhan. Seterusnya ekonomi berkembang dan masyarakat akan sentiasa tenang bernaung di bawah keberkatan ekonomi ini. •

Seseorang yang mencintai harta dibimbangi imannya rapuh dengan godaan dunia kerana cintanya kepada Tuhan semakin menipis.